

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN PENUTUP YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERIDR SITI HASMAH BT HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KEJOHANAN BADMINTON
PIALA PERDANA 1998
DI DEWAN KOMPLEKS SUKAN SUKPA
BANDAR INDERA MAHKOTA, KUANTAN, PAHANG
PADA HARI JUMAAT, 12 JUN 1998
JAM 4.30 PETANG

Syukur alhamdulillah kini berakhirnya kejohanan Badminton Piala Perdana 1998 di Kuantan, Pahang, selepas 4 hari bermain di Dewan Kompleks SUKPA yang indah dan selesa.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada Pasukan yang menang menjadi Johan pada tahun ini setelah bermain bersungguh-sungguh merebut Piala Perdana. Tidak kurangnya Pasukan yang bersemangat berani dan kuat tetapi kurang bernasib baik untuk menang.

3. Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua Pasukan yang telah menyertai kejohanan tahun ini sungguhpun keadaan ekonomi kita tidak mengizinkan kita berbelanja banyak dan berlebih-lebihan. Keputusan melangsungkan juga Kejohanan ini dibuat oleh semua Negeri atas kesanggupan mereka cuba mengurangkan belanja dengan seberapa boleh. Oleh itu saya berterima kasih kepada semua kontinjen kerana meneruskan semangat kesukanan ini dengan penyertaan mereka di Kuantan.

4. Dalam ucapan penutupan saya di Kota Kinabalu tahun lepas, saya telah memberi pilihan kepada para peserta untuk terus bermain mengikut sistem ranking atau tidak kerana ramai pasukan tidak berpuas hati dengan implimentasinya. Namun, dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Pasukan dan Pegawai-pegawai di Kuala Lumpur padadipersetujui supaya sistem ranking diteruskan. Sistem ini memang ada baiknya, walaupun sukarhendak disahkan bahawa ianya diikuti dengan ikhlas danjujur.
5. Saya melihat mutu permainan meningkat setiap tahun dan saya yakin ini adalah hasil daripada persediaan yang rapi oleh ahli-ahli pasukan, sikap untuk terus menyertai kejohanan ini dan latihan yang serius dan bersungguh-sungguh.
6. Kejayaan hanya boleh dikecapijika pemain-pemain terus menunjukkankomitmen terhadap sukan yang diceburi di samping mengekalkan tahap disiplin yang tinggi. ketahanan dan kesungguhan menjalani latihan.
7. Pemain-pemain juga mestilah mempunyai keyakinan terhadap diri sendiri yang juga menjadi aspek penting di dalam menentukan kejayaan bukan sahaja di dalam bidang sukan, tetapi juga di dalam apa sahaja bidang yang diceburi.
8. Kejohanan kali ini tidak akan sempurna dan berjaya sekiranya tiada kerjasama dan pertolongan yang banyak daripada beberapa pihak.
9. Bagi pihak semua kontinjen yang hadir, saya mengucapkan tahniah kepada TERATAI dan KerajaanNegeri Pahang yang berusaha menjayakankejohanan ini seperti yang dirancangan. Syabas dan terima kasih.
10. Kepada Pegawai-pegawai Sukan dan Pembantu-pembantu mereka yang menguruskan permainan di gelanggang supaya kejohanan ini disempurnakan dengan adil dan licin, saya ucapkan terima kasih.

11. Akhirnya, saya ucapkan tahniah kepadadari Negerikerana menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah pada tahun 1999. Insyallah kita akan berjumpa sekali lagi di sana dan sementara itu, rancangkanlah pelapis-pelapis barisan kedua supaya bersiap sedia untuk kejohanan yang ke-14 pula.

Sekian, terima kasih, semoga berjumpa lagi, insya-Allah.

Selamatpulang.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
